

# BULETIN HORIZON

Edisi ke 3 | Disember 2009

## Lambang Kerjasama Dua Hala KUIS - Akademi Perbankan Kazakhstan Rektor KUIS Terima Anugerah Profesor Kehormat

**A**LMATY (KAZAKHSTAN): Rektor KUIS, Dato' Haji Mohd Adanan Isman menerima anugerah Profesor Kehormat dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam dari Akademi Perbankan Kazakhstan, Almaty pada 29 Oktober lalu.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen beliau sejak lebih 30 tahun dalam bidang pendidikan, dakwah dan pembangunan hal ehwal Islam di Malaysia, khususnya Selangor.

Penganugerahan tersebut disampaikan Presiden Akademi, Puan Lyaziza U. Aitbayeva di kampus Akademi Perbankan, Almaty, Kazakhstan yang terletak di Asia Tengah dalam Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS).

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah delegasi pengurusan KUIS termasuk Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Haji Mohd Khairi Haji Hussin, Timbalan Rektor

(Pembangunan Korporat dan Pengantarabangsaan), Haji Mohd Shah Abdullah dan Pengarah Pusat Kecemerlangan, Haji Sha'aya Othman.

Ketika berucap, Dato' Haji Mohd Adanan merakamkan penghargaan terima kasih di atas kepercayaan dan penghormatan pengurusan akademi memberikan anugerah tersebut.

Beliau berkata, anugerah itu membuktikan keupayaan KUIS menerajui kecemerlangan pendidikan bukan sahaja di dalam negara tetapi merentasi sempadan dunia antarabangsa.

Menurutnya, anugerah tersebut membantu meningkatkan kerjasama dua hala di antara Akademi dan KUIS dalam konteks memajukan sektor pendidikan, dakwah, hal ehwal Islam dan pembangunan ummah secara keseluruhannya.

"Saya percaya anugerah ini bukan semata-mata kejayaan

peribadi saya tetapi juga merupakan kejayaan KUIS dan ummah," katanya ketika berucap di hadapan lebih 200 tenaga akademik dan pelajar Akademi Perbankan, Kazakhstan.

KUIS dan Akademi Perbankan, Kazakhstan turut memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam ketika lawatan rasmi delegasi KUIS ke Almaty.

Lawatan pengurusan KUIS itu juga merupakan timbal balas lawatan pengurusan Akademi ke Malaysia dalam tahun ini bagi menghadiri satu seminar antarabangsa anjuran KUIS.

Menerusi kerjasama itu, KUIS akan memperkenalkan program Perbankan dan Kewangan Islam di Kazakhstan, suatu bidang yang mempunyai potensi meluas dan semakin berkembang pesat di peringkat antarabangsa.



Bersejarah... Dato' Haji Mohd Adanan menerima anugerah Profesor Kehormat dari Puan Lyaziza, di Almaty, Kazakhstan.



Sebahagian staf akademik dan pelajar menyaksikan upacara penganugerahan Profesor Kehormat di Akademi Perbankan Kazakhstan.

### Sidang Pengarang

**Penaung** | Dato' Haji Mohd Adanan Isman, Rektor KUIS  
**Editor Perunding** | Mohd Shah Abdullah

**Wartawan** | Nur Adzlin Ishak, M. Fadlihasham M. Rashidi & Jabatan Pembangunan Mahasiswa

**Perunding Grafik** | Mohd Baihaqi Ramli  
**Jurugambar** | Mohd Amin Tumirin

**Penerbit** | JPKP KUIS  
**Pencetak** | Magic Creative Sdn. Bhd.

Segala isi kandungan di dalam percetakan ini adalah hak milik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan/atau pemberi maklumatnya. Apa-apa jenis penggunaan yang lain termasuklah peniruan, pengubahsuaian, pengedaran, penyiaran, penerbitan semula adalah dilarang sama sekali.



## Menggapai Wawasan Universiti Penuh

**P**engurusan KUIS telah membentangkan dokumen naik taraf status universiti penuh pada 19 November 2009. Mengetuai pembentangan tersebut ialah Rektor KUIS, Dato' Prof Haji Mohd Adanan Isman yang telah berhujah di hadapan panel Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, diketuai Ketua Pendaftar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Dato' Prof Dr Ir Radin Umar Radin Sohadi.

Rektor memulakan pembentangan hujah dengan memberikan dalil, iaitu selepas lima tahun beroperasi sebagai kolej universiti (2004-2009), kini tiba masanya untuk dinaik taraf sebagai sebuah universiti penuh. KUIS berpendapat telah memenuhi kriteria dan piawaian yang ditetapkan untuk menjadi sebuah universiti. Langkah berani ini tentulah amat penting terutama dalam konteks menangani perubahan dan persaingan pendidikan tinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seantero dunia.

Perancangan menaik taraf sebagai sebuah universiti penuh itu merupakan perancangan strategik pengurusan KUIS, terutama visi dan misi Rektor sendiri untuk melihat satu lagi takah dan tahap pencapaian dalam tempoh lima tahun beroperasi.

Kesungguhan dan iltizam Rektor disokong padu oleh segenap warga kerja KUIS. Pusat R&D, misalnya telah mengambil langkah-langkah proaktif menyusun perancangan, mengumpul fakta, membuat analisis dan penyelidikan secara intensif sebelum pembentangan diadakan. Berbulan-bulan lamanya bengkel, sesi sumbang saran dan pertemuan diadakan bagi menghalusi kertas dokumen tersebut. Bagi yang lain, iringan doa sudah cukup bermakna untuk menjayakan misi besar KUIS.

Selepas selesai pembentangan dan sesi rumusan, peluang dan potensi KUIS amat terbuka luas. Apa yang membanggakan ialah kenyataan Ketua Pendaftar IPTS yang juga Ketua Pengarah KPT betapa KUIS telah menunjukkan tahap dan darjah pencapaian membanggakan sepanjang operasi bermula sebagai kolej (1995) dan kemudian kolej universiti (2002). Pencapaian track record, urustadbir yang baik atau good governance KUIS diakui oleh KPT. Ketua Pengarah KPT menyokong fakta tersebut berdasarkan keputusan hasil pemeriksaan firma audit terkemuka, Ernst & Young terhadap KUIS.

Namun, beberapa aspek wajar diberi pertimbangan dan fokus

oleh KUIS untuk menggapai wawasan menjadi sebuah universiti. Pertama, meningkatkan jumlah tenaga akademik di kalangan pemegang ijazah kedoktoran (PhD) yang kini masih di bawah 10%. Kedua, meningkatkan fokus kepada R&D dan inovasi yang menjadi nadi sesebuah universiti. Manakala ketiga, menggiatkan program dan aktiviti pengantarabangsaan termasuk menambah enrolmen pelajar-pelajar antarabangsa kepada 30% daripada jumlah pelajar semasa.

Pilihan atau opsyen kini terbuka kepada KUIS. Pada bila-bila masa sahaja KUIS sudah boleh diangkat kepada sebuah universiti asalkan memberikan perhatian terhadap aspek teras yang dirumuskan dalam sesi pembentangan bersama KPT. Pilihan kini terletak kepada kebijaksanaan pengurusan KUIS untuk menentukan tarikh dan masa yang sesuai untuk bergelar sebuah universiti penuh. Harapan kita bersama ialah untuk melihat kewujudan sebuah universiti Islam kontemporari yang menyediakan akses pendidikan tinggi, pelantar kecemerlangan ilmu dan sebuah institusi ilmu berwibawa mempersiapkan ummah berdepan cabaran getir alaf ke-21.

### Info Perpustakaan KUIS

#### Senarai Pangkalan Data Atas Talian Yang Disediakan Di Perpustakaan

1. Malaysian Gaap :  
<http://www.cch.com.my/my/default.aspx>
2. Malaysia (The) Accountants' Manual :  
<http://www.cch.com.my/my/default.aspx>
3. Malaysian Master Tax Guide Manual :  
<http://www.cch.com.my/my/default.aspx>
4. Malaysian Human Resources Guide :  
<http://www.cch.com.my/my/default.aspx>
5. NSTP E-Media (senarai arkib bermula tahun 1991 hingga kini):  
<http://www.nst.com.my/>
6. ISLAMIC FINANCE NEWS :  
<http://islamicfinancenews.com/index.asp>
7. LАWNET :  
<http://www.lawnet.com.my/lawnetPublic/>
8. BRILL ONLINE : i. Encyclopedia of Women & Islamic Cultures  
: ii. Encyclopedia of the Quran  
: iii. Encyclopedia of Islam  
<http://www.brillonline.nl/public/>
9. Nursing Allied Health :  
<http://proquest.umi.com/login/ipauto>
10. ACM Digital Library :  
<http://portal.acm.org/dl>.
11. IEEE Computer Society Digital Library :  
<http://www.computer.org/portal/web/csdl/libsubscription>
12. Library OPAC :  
<http://library.kuis.edu.my:8000/>
13. Library Digital (kertas peperiksaan & Tesis) :  
<http://library.kuis.edu.my:8000/>

## Surau Muslimat Di Parcel 8 Pupuk Aktiviti Kerohanian Pelajar

**S**empena perasmian Surau Muslimat di Parcel 8 blok asrama B.O.T., satu majlis bacaan Yassin Perdana diadakan melibatkan lebih 300 penghuni siswi.

Majlis perasmian surau tersebut dirasmikan Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Haji Mohd Khairi Haji Hussin pada 12 November lalu.

Majlis itu turut dihadiri oleh Ustaz Safwan Ahmad Ketua Unit Hal Ehwal Islam dan Felo Kediaman Siswi, Ustaz Sofwan M. Shuhaimi (UHEI), Encik Shahrin (Ketua UNIKED),

Cik Norhasdilla dan Ustazah Siti Zaharah selaku Felo Kediaman Mahasiswa.

Majlis itu turut ditaja Pengurus My Cafe KUIS sebagai satu sumbangan sosial dan kebajikan terhadap pelajar. Menurut Ustaz Safwan, surau muslimat itu perlu dimanfaatkan oleh pelajar dan mengalu-alukan kepada mereka yang berminat menjadi AJK untuk mendaftar ke UHEI.

Katanya, KUIS akan berusaha memenuhi keperluan asas surau itu termasuk karpet dan sejadah demi keselesaan pelajar.



Mesej Dakwah...Haji Mohd Khairi menyampaikan ucapan sempena perasmian Surau Muslimat Parcel A dan majlis bacaan Yassin Perdana. Turut kelihatan Ustaz Sofwan.

## Lawatan Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2008

**S**atu Lawatan Audit Persijilan Semula MS ISO 9001 : 2008 telah dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 5hb hingga 6hb Oktober 2009 oleh pasukan audit SIRIM QAS yang diketuai oleh Tuan Haji Ata Abdul Muniem bersama Encik Dzulkefli Hamzah dan Puan Hajjah Siti Rahmah Ahmad.

Audit tersebut bertujuan untuk memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 yang sedia ada serta menyemak pelaksanaan keperluan Standard baru MS ISO 9001:2008 di KUIS. Skop audit merangkumi Perkhidmatan Pendidikan Tinggi di Peringkat Diploma dan Sarjana Muda, Pengurusan Perpustakaan dan Pengurusan Asrama dengan menyemak pelaksanaannya di pejabat Fakulti,

Perpustakaan dan Jabatan-jabatan pentadbiran yang lain.

Alhamdulillah, KUIS telah disyorkan oleh pasukan audit SIRIM QAS untuk mendapat persijilan MS ISO 9001:2008 dengan beberapa penemuan ketidakakuran kecil. Beberapa peluang penambahbaikan telah dicadangkan kepada KUIS dalam usaha membuat penambahbaikan berterusan. Setinggi penghargaan kepada semua warga KUIS di atas komitmen bagi mengekalkan dan menambahbaik pengurusan berkualiti di dalam Institusi ini.



MS ISO 9001 : 2008 REG NO. AR 3018

## RM6,800 Sumbangan Untuk Palestin Mahasiswa KUIS Prihatin Nasib Umat Islam



SIMPATI... Haji Mohd Shah menyampaikan cek sumbangan pelajar KUIS kepada Encik Awang Suffian sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap nasib umat Islam Palestin.

**M**elalui Program Usrah KUIS (STPB), mahasiswa program ijazah KUIS berjaya mengutip derma untuk membantu meringankan penderitaan rakyat Palestin sejumlah RM 6,800.

Seramai 1,000 mahasiswa turut serta dalam program yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Jabatan Pembangunan Mahasiswa dengan kerjasama Aman Palestin Berhad. Program tersebut berlangsung sepanjang Ogos 2009.

Pihak KUIS diwakili

Timbalan Rektor (Pembangunan Korporat dan Pengantrabangsaan), Haji Mohd. Shah Abdullah menyampaikan sumbangan kepada Ketua Eksekutif Aman Palestin Berhad, Encik Awang Suffian Awang Piut di ruang tamu pejabat Rektor pada 16 September 2009.

Beliau mengucapkan tahniah di atas keprihatinan mahasiswa KUIS untuk membantu umat Islam di Palestin, khususnya di Gaza yang ditekan rejim Zionis Yahudi sejak sekian.

## Tun Dr. Siti Hasmah Rasmi Seminar Kejururawatan

**S**atu seminar kejururawatan bertajuk 'Community Health Nursing Seminar Updates 2009' telah diadakan di KUIS pada 9 - 10 November 2009 di bawah anjuran Fakulti Sains Kejururawatan dan Kesihatan Sekutu serta kerjasama dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Lembaga Jururawat Malaysia. Seminar yang dirasmikan oleh YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali

ini dihadiri seramai 200 orang peserta dari pelbagai institusi kesihatan. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan terkini tentang perawatan kesihatan komuniti, mendapatkan kerjasama serta peluang kepada ahli akademik, penyelidik dan jururawat yang berkhidmat di klinikal berkolaborasi antara satu dengan lain dalam usaha meningkatkan mutu perawatan kesihatan klinikal.



Sebahagian peserta di seminar kejururawatan sedang mendengar ceramah yang disampaikan.

# Lensa Aktiviti KUIS



Maulana Ihsan Hendricks, Presiden Majlis Kehakiman Islam South Africa dan Sheikh Ebrahim Gabriel, Mantan Presiden ketika menyampaikan Pidato Umum bertajuk "Islam in Africa" pada 11 Oktober 2009 di Pusat Konvensyen KUIS. Turut hadir YB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh.



Lawatan Kerja Rasmi delegasi Institut Pengajian Islam Johor (Marsah) ke KUIS pada 12 November 2009 diketuai Ustaz Hj. Mohamed Salleh bin Sanwan. Kehadiran mereka diraikan oleh Ustaz Hj. Mohd Khairi bin Hj. Hussin, Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa).



Pertukaran maklumat di antara delegasi Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan KUIS berhubung kursus Kejururawatan untuk dikembangkan melalui kerjasama akademik.



Rektor KUIS menyampaikan cenderamata kepada YABhg. Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohamad Ali ketika beliau melancarkan Seminar Kejururawatan pada 9 - 10 November 2009 di auditorium KUIS.



Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Ustaz Mohd Khairi Hj Hussin mengibarkan bendera rasmi KUIS ketika melepaskan seramai 106 orang kontinjen ke sukan IPTIM pada 3 Disember 2009.



**MERIAH...** Majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri KUIS pada 14 Oktober 2009. Kelihatan Dato' Rektor dan Timbalan Rektor (Akademik & Pembangunan Mahasiswa) sedang melayani tetamu.



Delegasi pengurusan Villa College, Maldives yang diketuai Rektor, Dr Ahmed Anwar bergambar kenangan ketika lawatan kerja pada 25 November 2009.



**LENSA TERAKHIR...** Allahyarham Dr Zainuddin Jaafar bergambar kenangan bersama Dr Mujaini Tarimin ketika menghadiri International Conference on Islamic Economics 2009 dan pelancaran Pusat Kecemerlangan KUIS (COE) pada 26 Mei, 2009.



**METERAI...** KUIS dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) telah menandatangani kerjasama dua hala sempena Minggu Undang-Undang anjuran Akademi Islam pada 1 Disember 2009.



Rektor KUIS menandatangani MoA dengan Universiti Komputer Jakarta (UNIKOM). UNIKOM telah diwakili oleh Prof. Dr. Hj. Ria Ratna Ariawati, Timbalan Rektor Hal Ehwah Akademik.



**LAWATAN MUHIBBAH...** delegasi Universiti Pendidikan Jakarta bergambar bersama Rektor KUIS ketika lawatan kerja rasmi pada 26 Oktober 2009.



Salah seorang pembentang menyampaikan kertas kerja dalam program Wacana Pengurusan Sumber Insan dari Perspektif Islam pada 30 Oktober 2009.

## KUIS Johan Keseluruhan Pesta Sukan IPTIM 2009

**K**UIS berjaya dinobatkan johan keseluruhan Pesta Sukan Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) buat kali kedua berturut-turut apabila memperolehi empat pingat emas, 3 perak dan 7 gangsa daripada 17 acara yang dipertandingkan.

Pingat emas tersebut dimenangi KUIS menerusi acara Bolasepak, Badminton dan dua acara padang iaitu larian 800 meter (lelaki) dan 4 x 400 meter (lelaki).

Selain itu, pingat perak pula adalah menerusi acara bola tampar (lelaki), sepaktakraw dan larian 800 meter (wanita) manakala bola jaring, bola tampar (wanita) futsal, larian 4 x 100 meter (lelaki dan wanita), 4 x 400 meter (wanita) dan 100 meter (wanita) telah mendapat pingat gangsa.

Timbalan Rektor KUIS (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Mohd Khairi Hj Hussin ketika ditemubual mengucapkan syabas kepada kontinjen KUIS kerana telah berjaya mempertahankan kejuaraan tersebut menerusi semangat kesukanan dan ukhawah Islamiah yang tinggi selaras dengan semangat satu Malaysia, gagasan yang dicetus Perdana Menteri kita.

Beliau berkata, selain berperanan sebagai suatu wadah atau pentas untuk mengeratkan perpaduan dan

ukhawah Islamiah, sukan IPTIM ini turut berjaya mencungkil atlit-atlit berbakat besar yang boleh diketengahkan.

"Harapan kita semoga sukan IPTIM ini mampu menarik lebih ramai penyertaan di kalangan IPT seterusnya mengiktiraf penganjuran IPTIM setanding MAKSUM yang dapat mewakili negara dalam Sukan Malaysia (SUKMA) kelak," katanya.

K U I S t e l a h menghantar kontinjen seramai 106 orang peserta dan 12 orang pegawai.

Pesta Sukan IPTIM merupakan sukan gabungan kolej-kolej dan institusi-institusi pengajian tinggi Islam seluruh Malaysia yang dianggotai oleh 13 institusi termasuk antaranya Kolej Universiti Islam Melaka, Kolej Universiti INSANIAH, Kolej Islam Darul Ridzuan, MARSAH Johor, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kolej UNITI, Kolej Islam Antarabangsa dan Pusat Matrikulasi UIA.

P e s t a s u k a n d w i - t a h u n a n ini telah berlangsung di Kampus Kolej Universiti Islam Melaka selama 5 hari bermula pada 3 hingga 7 Disember lalu dan majlis penutup telah disempurnakan Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam.

S y a b a s k e p a d a kontinjen KUIS.

## Kelab Perkim KUIS Terima Anugerah Projek Terbaik

**K**elab PERKIM KUIS menerusi projek Henry Gurney telah menerima Anugerah Projek Terbaik sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri dan Penganugerahan Sri Cemerlang Piala Yang Dipertua kepada Kelab Perkim Universiti pada 11 September 2009.

I a d i i k t i r a f P r o j e k Terbaik kerana berjaya menjalankan aktiviti dakwah di Sekolah Henry Gurney, Melaka melibatkan 40 orang ahli Kelab PERKIM.

Y a n g D i p e r t u a K e l a b Perkim, Shahrul Ashraf Jamaluddin berkata projek tersebut yang bertemakan 'Seintim Ukhwah Seerat Kasih' telah menjalankan program dakwah antaranya pengajaran

Rukun Iman dan Rukun Islam, serta Solat kepada pelajar-pelajar di Sekolah Henry Gurney.

Beliau menerima cek tunai bernilai RM2,500 beserta piala iringan bagi pihak Kelab Perkim KUIS.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Yang Dipertua PERKIM Kebangsaan.

Turut hadir, Naib Yang Dipertua Perkim, Prof Emeritus Datuk Dr Ariffin Suhaimi dan Naib Yang Dipertua Perkim, Datuk Seri Abdul Rashid Abdul Rahman.

Majlis itu dihadiri kira-kira 1,500 tetamu dan menghimpunkan 11 Kelab Perkim Universiti.



Tun Dr. Mahathir menyampaikan replika cek RM2500 kepada Shahrul Ashraf Jamaluddin, Yang Dipertua Kelab PERKIM KUIS sebagai pemenang kategori Projek Terbaik di Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri dan Penganugerahan Sri Cemerlang Piala Yang Dipertua pada 11 September 2009.

## JPM Anjur Multaqa' Mahasiswa Bestari

**J**abatan Pembangunan Mahasiswa (JPM) menerusi Unit Rundingcara & Kerjaya telah menganjurkan Multaqa' Mahasiswa Bestari yang dihadiri hampir keseluruhan pelajar KUIS.

Program yang diadakan di Pusat Konvensyen KUIS itu turut disertai oleh para pensyarah yang bertindak sebagai mentor kepada pelajar-pelajar tersebut.

Multaqa' yang julung-julung kali diadakan ini bertujuan mendidik dan membina kematangan intelektual dan personaliti individu pelajar terutama dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa. Menerusi Multaqa' pelajar-pelajar didedahkan kepada aspek pembangunan sendiri berdasarkan

konsep kekeluargaan seperti program Mentor-Mentee.

Program mentoring dibentuk bagi membantu para pelajar mencapai kecemerlangan akademik, kerjaya, personaliti serta kematangan dan ketertiban intelektual.

Multaqa' tersebut turut membincangkan peranan mentoring sebagai pemudahcara kepada para pelajar dalam menghadapi kemelut dan isu secara matang dan bijaksana.

Dalam ucapan perasmiannya, Rektor KUIS, Dato Hj Mohd Adanan Isman turut menegaskan kepentingan kematangan serta ketertiban intelektual pelajar dalam melaksanakan apa jua tindakan.

Beliau berkata, "sesuatu tindakan yang diambil tanpa kematangan mencerminkan tahap kebijaksanaan seseorang. Dek kerana pemikiran yang cetek juga mampu meruntuhkan ketertiban dan keintelektualan seseorang mahasiswa seterusnya akan memberikan impak yang negatif terhadap penerimaan serta pandangan masyarakat luar kepada kualiti graduan yang akan dilahirkan."

Kemuncak program Multaqa' ini turut menyaksikan Rektor KUIS melancarkan Program Mentoring yang telah dihadiri sama oleh Dekan-dekan Fakulti.

## Falsafah...

## Meraih Kematangan Hidup

Laluan kehidupan kita mengikut tahap dan bertakah. Bermula dari dalam perut ibu, lahir ke dunia sebagai bayi, membesar, remaja, dewasa dan tua. Kemudian secara alaminya kita akan kembali menemui Tuhan Pencipta. Ada yang pergi lebih awal sebelum tua. Itulah ajal dan maut, ketentuan takdir semuanya milik dan dalam genggaman Allah.

Dalam kitaran lazim sebuah kehidupan, kita patut bertanya bilakah masa atau tempoh waktunya untuk meraih sebuah kematangan hidup. Bilakah kita meraih hikmah (wisdom) atau kebijaksanaan? Ketika kematangan hidup dicapai, kita mungkin melihat dunia dan cakerawala penciptaan Yang Maha Esa ini dari jendela yang berbeza. Ada sudut, dimensi dan nuansa yang dilihat bukan dengan mata kasar tetapi diteropong dengan mata hati, melihat dengan pandangan kalbu dan bashirah yang terang jernih. Kita merasakan perjalanan hidup semakin singkat, perjalanan yang jauh semakin dekat, kita menghitung saat, detik, masa dan suasana.

## Emosi

Sebelum sampai ke takah itu, kita telah melalui masa yang berbeza. Masa remaja dan muda yang serba indah, bertenaga, berwarna-warni. Kita belajar, memulakan kerjaya, berkeluarga, memulakan hidup baru, berkereta, membeli rumah dan memburu impian hidup. Namun, ada satu aspek yang wajar diteliti dalam meniti zaman muda itu – emosi atau perasaan.

Jiwa orang muda biasanya membara, bergelora. Darah mereka cepat tersirap. Mudah marah, mudah melatah. Keputusannya selalu mengambil jalan singkat. Kurang berfikir panjang sebab dan akibat, kurang teliti dan periksa natijah jangka panjang. Emosi orang muda bercampur baur, sekejap tenang, sekali sekala kelam tak keruan. Jiwa orang muda payah tenteram, sukar tenang dan lebih banyaknya memendam. Turun naik ibarat harga di pasaran saham. Tenang dalam

gelora. Gembira dalam duka. Jangan disalahkan jika mereka mudah dan selalu berbuat silap kerana itulah tabie orang muda. Belajar daripada kesalahan lama-lama mereka pandai dengan sendirinya.

Orang muda mahu melihat hasil diraih dengan cepat. Cepat dapat dan cepat pula berhabis. Biar bergaya, ada stail, *elegant* dan *trendy*. Jika tidak mereka dikatakan *outdated*, konservatif dan usang.

Sedar tidak sedar lama kelamaan orang muda beransur meniti zaman. Selepas usia 20an, 30an dan tiba-tiba memasuki alam 40an. Eh, cepat sekali masa berlalu. Pandang ke belakang telah jauh ditinggalkan. Lihat ke depan makin singkat perjalanan. Sebenarnya sekalipun fizikal masih terasa kuat, otak masih bergeliga, kudrat sebenarnya semakin lama semakin perlahan. Masa semakin singkat. Jika tidak teliti penyakit makin gemar hampir. Ibarat putaran mentari, kita semakin menghampiri ufuk senja.

## Gerak Kalbu

Tiba-tiba gelora hati dan badai perasaan kembali ke pangkal muara ketenangan. Satu titik menjunam jauh di sudut hati nan paling dalam... menyelinap di celah-celah sekeping tubuh jasad

yang zahir. Kita terasa ada kelainan, ada beza antara dahulu dan kini. Pertimbangan kita berubah bukan lagi mengikut tuntutan emosi dan gerak hati yang palsu tetapi gerak kalbu yang kristal. Bila ada pertimbangan A dan B, kita lebih rasional, lebih teliti dan waspada. Baik-buruk, natijah jangka panjang sudah mula mengambil tempat. Kita lebih berhati-hati sentiasa tengok kiri dan kanan, pandang depan dan belakang. Segala sesuatu dianalisis. Pandangan mata hati yang kristal, bercahaya dan berbalam-balam kini mengambil tempat.

## Kematangan

Kalau dulu cepat marah, kini lebih relaks dan dingin. Kalau dulu gopoh, kini mungkin lebih telaten. Dunia masih memukau tetapi tidak sampai sirna kerana ada hujung sebuah kehidupan yang dicari... sakinah dan mawaddah. Mungkin kita sedang menempuh satu detik ketika kematangan hidup yang dicari semakin hampir. Mungkin belum sampai ke tahap meraih hikmah tetapi ya, kita kian matang menatang hari-hari mendatang. Hidup dari jendela lain, pandangan sisi penuh perasaan syahdu kerana daun-daun akhirnya pasti gugur!

*Catatan : MSA*



*Berdoa dan istiqamahlah kerana dalam putaran hidup kita akan sentiasa diuji. Hanya yang cekal dan tabah, hati yang bersih ibarat kristal memudahkan laluan dalam menempuh perjalanan menuju Allah. Kematangan hidup dicapai bila jiwa kita berasa tenang dan tenteram, bebas daripada resah dan gelisah.*

*Dalam Kenangan...*

## Dr Zainuddin Jaafar (1961-2009) "Perginya Seorang Teman"

**K**etika azan maghrib usai dialunkan pada petang 25 Oktober, 2009, tiba-tiba satu panggilan telefon kuterima dari temanku, Ustaz Mohd Farid Ravi Abdullah.

"Saya baru saja terima berita Dr Z meninggal dunia di Brunei." ujarinya ringkas. Berita ringkas itu tentulah memeranjatkan dan tidak lama kemudian seorang sahabat kami, Dr Gamal Abdul Nasir di Brunei mengesahkan berita tersebut, selain sistem pesanan ringkas yang bertubi-tubi masuk menyebarkan berita sedih. Rakan akrab dan bekas pemimpin pertama Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR), Dr Zainudin Jaafar telah pulang ke rahmatullah sekitar jam 6.20 petang, di Rumah Sakit Puteri Anak Saleha (RIPAS), di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Beliau terlantar lebih dua bulan di hospital, tidak sedarkan diri selepas menjalani pembedahan bagi membuang ketumbuhan di bahagian otaknya, sejak sekian lama pula bertarung menghidap penyakit kanser tidak kurang dari dua tahun. Nyata Allah lebih mengasihi beliau yang dijemput menghadap Ilahi dalam usia yang relatif muda, 48 tahun.

Allahyarham berkelulusan ijazah PhD dari University of Edinburgh, United Kingdom, menyelesaikan ijazah MA dari King's College, University of London manakala ijazah pertamanya di bidang Syariah dari Universiti Malaya.

Bermula sebagai pensyarah di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Allahyarham kemudiannya dipinjamkan sebagai Presiden pertama Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) di Shah Alam, Selangor. Beliau memegang teraju sebagai pemimpin KISDAR antara tahun 1996 hingga tahun 2002. Selepas menamatkan perkhidmatannya di



**LENSA TERAKHIR...** Allahyarham Dr Zainudin Jaafar bergambar kenangan bersama isteri dan anak-anaknya di Laman Ilmu KUIS ketika menghadiri Ekspo dan Festival Konvokesyen KUIS pada 16 Julai 2009. Itulah lawatan terakhir Allahyarham kerana selepas itu beliau terus uzur sebelum menjalani pembedahan pada bulan Ramadan yang lalu.

KISDAR, beliau menyertai Bank Negara sebagai Penasihat Syariah selama setahun, sebelum berhijrah ke Brunei Darussalam sebagai pensyarah di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Selepas beberapa tahun berhijrah dan bermukim ke Bandar Seri Begawan, Allahyarham kerap berulang-alik ke Kuala Lumpur atas urusan rasmi, terutamanya sebagai panel penasihat syariah. Setiap kali balik ke Kuala Lumpur, beliau tidak pernah lupa, KISDAR @ KUIS (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor). Beliau sentimental dan cukup sayang apabila berbicara soal KUIS. KUIS cukup dekat di hatinya, lebih-lebih lagi ketika keadaan kesihatannya semakin kritikal sehinggalah beliau menjalani pembedahan dalam bulan Ramadan yang lalu.

Walaupun beliau tidak lagi bersama KUIS, hatinya sentiasa lekat dan tetap tumpah di KUIS. Sebagai mantan Presiden yang pertama, beliau tentulah tidak mudah untuk melupakan institusi yang pernah dipupuk, dibaja dan dibelainya. Apatah lagi, masih banyak warga KUIS - akademik mahu pun bukan akademik

menerima surat tawaran perjawatan yang beliau sendiri menurunkan tandatangan.

Beberapa minggu sebelum dimasukkan ke hospital, Allahyarham masih membantu KUIS. Apabila pihak pengurusan bersetuju melantik beliau sebagai Profesor Pelawat, Allahyarham membantu Pusat Pengajian Siswazah KUIS dalam penggubalan silibus bagi program ijazah doktor falsafah. Begitulah semangat dan intimnya beliau dengan KUIS, ibarat isi dengan kuku, aur dengan tebing.

Allahyarham yang berkahwin dengan Puan Ni'mah Pehin Dato' Haji Ismail dikurniakan tujuh orang anak, dua lelaki dan lima perempuan. Jenazahnya dikebumikan di Brunei Darussalam. KUIS turut menghantar wakil ke majlis pengebumiannya, termasuk Ketua Pustakawan, Cik Noorlia Ramli, Pengarah Institut Kajian Hadis (INHAD), Haji Mohd Farid Ravi Abdullah, Ustaz Mohd Rozie Mohd Rejab & Cik Norhasdillah. **(Semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang yang soleh. Al-Fatihah)**

*Mohd Shah Abdullah*